

19/03/2002

UPM perkenal program Ijazah Sains Pertanian

Mohd Zin Ali

PUTRAJAYA, Isnin - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memperkenalkan program baru Ijazah Sains Pertanian bagi melahirkan tenaga profesional yang lebih mantap untuk memajukan industri pertanian negara.

Presiden Persatuan Kolej dan Universiti Pertanian Asia (AAACU) yang juga pensyarah UPM, Profesor Dr Mohd Yusof Husin, berkata ketika ini, UPM sedang mengemaskini program yang akan memberikan penekanan kepada teknologi baru seperti perladangan bersepadu, perladangan pintar dan pertanian tanpa tanah.

Beliau berkata, sebanyak 30 peratus daripada program ijazah berkenaan akan menumpukan aspek latihan praktikal, profesional dan sangkutan (internship) bagi memenuhi keperluan industri pertanian semasa.

"Program sedia ada yang dilaksanakan selama tiga tahun menyebabkan pelajar hanya mendapat pendedahan latihan yang terhad.

"Dengan program baru, kami akan mendedahkan pelajar secepat mungkin kepada aktiviti dan kursus asas pertanian sejak semester pertama. Ini adalah untuk membolehkan mereka mendapat latihan praktikal secukupnya sebelum keluar universiti.

"Oleh itu, kami berharap akan mendapat kelulusan Majlis Senat UPM bagi membolehkan program itu dimulakan pada Mei tahun depan," katanya selepas majlis perasmian Seminar dan Bengkel Sistem Perladangan Bersepadu di sini, hari ini.

Seminar itu dirasmikan Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi. Hadir sama, Timbalan naib Canselor UPM, Prof Madya Dr Mahathir Mardan dan Presiden Institut Pertanian Malaysia (AIM), Dr Ismail Hashim.

Seminar dan bengkel untuk meningkatkan kesedaran dan minat orang ramai melaksanakan sistem perladangan bersepadu yang mesra alam dan menggunakan sumber secara maksimum itu, turut diadakan bersempena sambutan ulang tahun ke-70 UPM.

Bagi membolehkan pelajar mendapat latihan yang mantap dan profesional, Prof Yusof yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur seminar, berkata pihaknya akan menghadkan pengambilan pelajar kepada 60 orang saja.

Sebelum itu, Effendi berkata, sistem perladangan bersepadu adalah sistem pengeluaran pertanian yang paling baik dari segi alam sekitar yang mana pengeluaran ternakan dan tanaman adalah seimbang secara semula jadi.

"Dengan sistem ini, penggunaan tanah dapat ditingkatkan melalui campuran tanaman dan ternakan, di samping kesuburan tanah dikekalkan melalui penggunaan semula najis haiwan dan sisa tanaman.

"Sistem perladangan moden terlalu bergantung kepada input luaran seperti pembajaan dan racun serangga untuk hasil yang tinggi. Pendekatan ini adalah tidak mapan dan boleh menjejaskan alam sekitar. Oleh itu, pendekatan alternatif melalui pertanian sepadu patut dilaksanakan," katanya.

(END)